

0238

U B449 DEB
MAHKAMAH - FEER
(I)

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA) -- SEORANG PEGUAM BERHUJAH DI MAHKAMAH TINGGI DI SINI HARI INI BAHAWA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, SEBAGAI PIHAK YANG TERJEJAS, SEPATUTNYA BOLEH MERAYU TERHADAP KEPUTUSAN MEMBENARKAN PENGEDARAN MAJALAH +FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW+ YANG MEMUATKAN LAPORAN MENGENAI DAKWAAN CADANGAN PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI DARUSSALAM.

ENCIK MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH BERKATA, DI BAWAH SEKSYEN 9(3) AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984, SESEORANG YANG TERJEJAS, DALAM HAL INI IALAH PERDANA MENTERI, BOLEH MERAYU DENGAN ALASAN BAHAWA PEGAWAI BERKENAAN TIDAK SEPATUTNYA MEMBENARKAN PENGEDARAN KELUARAN YANG MEMUATKAN LAPORAN ITU.

+TETAPI INI TIDAK DILAKUKAN SEHINGGA HARI INI,+ KATA ENCIK MUHAMMAD SHAFEE, PEGUAM BAGI MAJALAH ITU DAN PENGARANGNYA, DEREK DAVIES, YANG DISAMAN KERANA FITNAH OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR BERHUBUNG DENGAN RENCANA MENGENAI LIMBANG YANG DISIARKAN DALAM KELUARAN PADA 21 MEI TAHUN LEPAS.

PEGUAM ITU BERHUJAH BAHAWA PERKATAAN +SESIAPA+ DI BAWAH SEKSYEN 9(3) TERMASUK SESEORANG YANG TERJEJAS OLEH KELUARAN SESUATU PENERBITAN OLEH SEORANG PEGAWAI BERKUASA KANAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN BERHUBUNG SATU PERMOHONAN OLEH KEDUA-DUA DEFENDEN UNTUK MEMASUKKAN NAMA MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN SEBAGAI PIHAK KETIGA DALAM SAMAN MALU YANG DIKEMUKAKAN PADA OGOS LEPAS. -- LAGI.

1917MST 29 03 88

U B461 DEB
MAHKAMAH - FEER 2 KUALA LUMPUR
(I)

SELEPAS MENAMATKAN PERBICARAAN BAGI PERMOHONAN INI, MAHKAMAH AKAN MENDENGAR PERMOHONAN PERDANA MENTERI UNTUK MEMINTA DEFENDEN MENYEBUT NAMA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER YANG MEREKA DAKWA DALAM PEMBELAAN, SEBELUM INI TERBUKTI SEBAGAI BOLEH DIPERCAYAI.

MAJALAH YANG BERIBU PEJABAT DI HONG KONG ITU DALAM TERBITAN PADA 21 MEI TAHUN LEPAS MELAPORKAN BAHAWA PERDANA MENTERI TELAH MEMBINCANGKAN MENGENAI KEMUNGKINAN PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI DARUSSALAM PADA HARGA PERMULAAN AS\$6,000 JUTA (M\$15,000 JUTA) SEMASA LAWATAN BELIAU KE NEGARA ITU PADA BULAN MAC TAHUN LEPAS.

ENCIK MUHAMMAD SHAFEE BERKATA, PERDANA MENTERI SEPATUTNYA MERAYU TERHADAP KEPUTUSAN PEGAWAI BERKENAAN MEMBENARKAN PENGIMPORAN FEER TANPA SEBARANG BENTUK PENAPISAN.

MINGGU LEPAS, BELIAU MEMBERITAHU HAKIM DATUK AJAIB SINGH BAHAWA MAJALAH ITU TELAH DITAHAN SELAMA ENAM HARI TETAPI KEMUDIAN DILEPASKAN TANPA SEBARANG PEMADAMAN OLEH KEMENTERIAN DALAM NEGERI.

ENCIK MUHAMMAD, YANG MENDAKWA BAHAWA PIHAK KETIGA YANG DISEBUTKAN ITU

-- MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN -- SAMA-SAMA BERTANGGUNGJAWAB (PELAKU TORT) DALAM PENERBITAN MAJALAH ITU KEPADA UMUM, BERKATA KEBENARAN MEMASUKKAN PIHAK KETIGA MERUPAKAN SOAL BUDI BICARA MAHKAMAH DAN TIDAK AKAN DIBERI JIKA IA BOLEH MENJADI PREJUDIS, MEMALUKAN ATAU MELAMBAT-LAMBATKAN SAMAN OLEH PLAINTIF.

BAGAIMANAPUN, DALAM KES INI, IA TIDAK BERUPA PREJUDIS, MEMALUKAN ATAU MELAMBAT-LAMBATKAN DATUK SERI DR MAHATHIR, TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1944MST 29 03 88

0256

U 8462 DEB

MAHKAMAH - FEER 3 KUALA LUMPUR

(I)

DALAM SAMANNYA, DATUK SRI DR MAHATHIR, ANTARA LAIN, MENDAKWA BAHAWA PERKATAAN-PERKATAAN DALAM RENCANA ITU MENGENAI BELIAU SEBAGAI PERDANA MENTERI, DALAM MAKSUD BIASA, DIFAHAMI SEBAGAI BERMAKSUD BAHAWA BELIAU TERLIBAT DALAM SATU PERCUBAAN YANG BERTENTANGAN DENGAN PERLEMBAGAAN DAN SECARA GELAP UNTUK MENJUAL KEPADA BRUNEI, SEBAHAGIAN DARIPADA WILAYAH SARAWAK YANG MERUPAKAN SATU KOMPONEN MALAYSIA.

DATUK SRI DR MAHATHIR BERKATA, BERIKUTAN PENERBITAN PERKATAAN-PERKATAAN ITU, KEDUDUKAN BELIAU SEBAGAI PERDANA MENTERI TELAH TERJEJAS DAN DILIBATKAN DALAM SKANDAL DAN PENGHINAAN UMUM. MAJALAH ITU DAN PENGARANGNYA, DALAM PEMBELAAN MEREKA, MENAFIKAN BAHAWA RENCANA ITU BERTUJUAN MEMFITNAH PERDANA MENTERI, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA JIKA PERKATAAN-PERKATAAN ITU BERBENTUK FITNAH, IA DITERBITKAN DENGAN PERLINDUNGAN BERSYARAT KERANA DATUK SRI DR MAHATHIR MERUPAKAN SEORANG TOKOH YANG DIKENALI UMUM DI MALAYSIA DAN DI DUNIA.

PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN T.SELVENTHIRAMATHAN, YANG MEWAKILI PERDANA MENTERI, AKAN BERHJAJAH ESOK. -- BERNAMA.

1948MST 29 03 88